



KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN

26 JULAI 2021

**MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Sejak 20 Mac 2020, saya memikul tanggungjawab sebagai Menteri Kanan Pertahanan (Kluster Keselamatan) dan semua kenyataan media harian berkaitan Task Force Operasi Pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta 342 di seluruh negara bagi mengawal penularan wabak COVID-19 telah dikeluarkan oleh saya setiap hari sepanjang 1 tahun, 4 bulan dan 6 hari.

Setiap hari juga saya menerima serta mengumumkan laporan berkenaan pematuhan SOP, kawalan sempadan negara dan lain-lain perkara dari semua agensi terlibat bagi memberi penjelasan kepada rakyat Malaysia berkenaan situasi semasa keselamatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkenaan COVID-19 dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Seperti yang semua maklum, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Hussein telah dilantik sebagai Menteri Kanan Luar Negeri (Kluster Keselamatan) apabila saya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sebagai Menteri Kluster Keselamatan yang baharu, maka beliau akan mengambil alih tugas yang saya laksanakan sebelum ini berkenaan dengan COVID-19.

Sehubungan itu, mulai esok, 27 Julai 2021, tugas pengumuman harian berkaitan aktiviti penguatkuasaan serta Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan diteruskan oleh Menteri Kanan Luar Negeri (Kluster Keselamatan).

Sekalung penghargaan kepada semua yang terbabit sepanjang penglibatan saya, bermula dari anggota pentadbiran, kementerian-kementerian terlibat, agensi, *frontliners* serta rakyat Malaysia yang mahukan negara bebas dari COVID-19.

Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat media yang sentiasa melaporkan perkembangan dari masa ke masa.

SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 74,561 pemeriksaan dan *snap check* COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 18,894 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 1,819 buah kilang, 13,797 premis perniagaan, 702 tapak pembinaan dan 198 buah asrama penempatan pekerja.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 31 premis meliputi kilang (4) dan premis perniagaan (27) diarahkan tutup kerana gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.

Pelaksanaan PKPD

Sidang Khas MKN telah meneliti pembentangan oleh KKM dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, bersetuju untuk mengenakan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Kauran, Keningau, Sabah	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
2.	Tiga Perkampungan di Sipitang, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Menengah • Kampung Buang Sayang • Kampung Pasir Putih Sipitang 	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
3.	Kampung Mostyn Lama, Kunak, Sabah	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
4.	Perumahan Ladang Pontian Kuril, Kinabatangan, Sabah	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
5.	Taman Kinarut Ria, Papar, Sabah	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
6.	Kampung Tawadakan, Kota Belud, Sabah	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
7.	Kampung Telaga Tujuh, Labok, Machang, Kelantan	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
8.	Sungai Klau & Sungai Chalit, Mukim Gali, Raub, Pahang	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
9.	Tapak Bina IBN Highland Genting Highlands, Bentong, Pahang	28 Julai 2021	10 Ogos 2021
10.	Kampung Pagar Batu 6 Penjom, Lipis, Pahang	28 Julai 2021	10 Ogos 2021

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD

Sidang Khas MKN juga telah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi di lokaliti PKPD dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, telah bersetuju untuk melanjutkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	FELDA Maokil, Muar, Johor	27 Julai 2021	Pelanjutan dari 28 Julai 2021 sehingga 10 Ogos 2021
2.	Kawasan Sekitar Kampung Patikang Ulu, Keningau, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Patikang Ulu • Kilang & Kuarters Focus Lumber • Kilang & Kuarters Veracity • Kilang & Kuarters Hasil Jadi • Pusat Memandu IDA • Penempatan Warga Indonesia 	27 Julai 2021	Pelanjutan dari 28 Julai 2021 sehingga 10 Ogos 2021
3.	Kampung Madsiang, Penampang, Sabah	27 Julai 2021	Pelanjutan dari 28 Julai 2021 sehingga 10 Ogos 2021

Penamatan PKPD

Sidang Khas MKN setelah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi semasa telah bersetuju untuk menamatkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	FELDA Lembah Klau, Mukim Gali, Raub, Pahang	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 27 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Flat Taman Benus Jaya, Bentong, Pahang	30 Jun 2021	Ditamatkan pada 27 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Taman Muhibbah Fasa 1, 2 & 3, Beaufort, Sabah	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 27 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Dua (2) Lokaliti di Penampang, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Apartment Beverly Hills Fasa 2 • Kampung Kobusak 	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 27 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Kampung Kendaie & Kampung Bukit Batu, Lundu, Kuching, Sarawak	14 Julai 2021	Ditamatkan pada 27 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
6.	Kampung Bukit Tanah, Mukim Bukit Jawa, Pasir Puteh, Kelantan	5 Julai 2021	Ditamatkan pada 27 Julai 2021, lebih awal dari dijadualkan (1 Ogos 2021)

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 74,561 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,224 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 18,894 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 438 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 434 individu dikompaun manakala empat (4) lagi direman.

Orang ramai diingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan mengamalkan kawalan sendiri dalam usaha untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap lima (5) orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas lima (5) buah kenderaan darat.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 890 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 836 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 156 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 59 zon merah, zon jingga (2), zon kuning (4) dan zon hijau (2).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 707 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 257 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 160 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 34,087 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 672 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 256,526 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 81 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,461 individu telah dikuarantin dan 243,468 orang dibenarkan pulang manakala 3,597 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 841 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (661), pemborong (149) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,417 Pemeriksaan Khas Pematuhan SOP dan daripada jumlah itu, 2,409 premis mematuhi SOP manakala lapan (8) lagi dikompaun kerana tidak patuh SOP.

Amalkan “lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

**TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI PERTAHANAN**